

26 STARTUP DIPILIH SERTAI PROGRAM MYSTARTUP PRE-ACCELERATOR KOHORT 3

KUALA LUMPUR, 15 Mac 2024 – MYStartup dengan kerjasama Growth Charger mengumumkan pemilihan kohort ketiga Program Pre-Accelerator. Sebanyak 26 *startup* dengan potensi pertumbuhan besar telah disenarai pendek daripada 136 pemohonan seluruh Malaysia. Program yang akan berjalan selama empat bulan itu bertujuan untuk memacu kebolehpasaran produk sekali gus memupuk ekosistem *startup* di negara ini.

Startup yang dipilih terdiri daripada empat sektor utama iaitu teknologi hijau, kehidupan pintar, hospitaliti dan digitalisasi, termasuk penyelesaian data, Internet Pelbagai Benda (IoT) dan robotik. Proses pemilihan bagi kohort 3 telah dibuat sejurus penutupan kohort 2 yang turut menyaksikan kejayaan beberapa *startup* seperti Materials In Works, Sayur Kita School, Luwjistik, Axycyn, Certiify dan lain-lain.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke dalam majlis pelancaran berkata, “Kejayaan ekonomi Malaysia bergantung kepada kejayaan usahawan-usahawannya. Jumlah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) diwakili oleh hampir 98.5% daripada populasi perniagaan di negara ini dan merangkumi 66% daripada tenaga kerja. Oleh itu, wujud keperluan mendesak untuk mempromosikan ekosistem keusahawanan yang inklusif, berkualiti tinggi dan mampan. Kami amat berbesar hati melihat *startup* teknologi Malaysia mendapat manfaat daripada program ini dan menjangkakan pertumbuhan yang luar biasa pada masa hadapan. Malaysia sedang berkembang pesat sebagai pemain utama dalam sektor teknologi dan inovasi di Asia Tenggara sejajar dengan aspirasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menjadikan negara ini salah sebuah daripada 20 ekosistem startup teratas dunia menjelang 2030.”

Direka untuk *startup* yang berdedikasi merealisasikan konsep perniagaan mereka, Program Pre-Accelerator anjuran MYStartup menawarkan pakej yang komprehensif termasuk akses kepada rangkaian mentor, pusat-pusat inovasi dan pendedahan pasaran. Program ini merangkumi modul pembelajaran yang strategik, sumber-sumber atas permintaan, bimbingan praktikal, ruang kolaboratif, acara-acara rangkaian dan hubungan strategik dalam ekosistem dengan matlamat untuk membantu perkembangan model perniagaan yang berdaya maju dan membuka peluang pertumbuhan.

“Program yang akan berlangsung selama empat bulan ini tertumpu kepada Kebolehpasaran Produk. Kami di MYStartup terus bersemangat untuk menyaksikan pencapaian luar biasa daripada 26 *startup* ini yang merangkumi pelbagai sektor seperti SaaS, e-dagang dan pasaran, kecerdasan buatan (AI), pembelajaran mesin dan lain-lain. Berhubunglah dengan pelanggan anda, perbaiki produk anda dan berfikir tentang perkembangan (scale); kami mengunjurkan pencapaian yang memberangsangkan dalam beberapa bulan akan datang di bawah seliaan Growth Charger,” kata Iskandar Shafi'i, Pengarah Growth Charger.

“Matlamat kami di Rabt adalah untuk mencipta platform cerita dan perkongsian ilmu Islam perdana, yang mana ia mampu menyediakan pengalaman pengguna terbaik dan menghubungkan pengguna dengan tokoh terkemuka dalam dunia Islam. Program ini merupakan peluang yang unik bagi kami untuk mempercepat pertumbuhan, mendapatkan pelaburan dan

meluaskan jangkauan pasaran kami di Asia Tenggara, bermula dengan Malaysia. Melalui Program Pre-Accelerator, kami berhasrat untuk mendapatkan pelaburan dan mencapai 30,000 pengguna aktif setiap bulan," kata Hasam Khan, CEO Rabt yang juga merupakan salah satu syarikat tersenarai dalam Program MYStartup Pre-Accelerator.

Selaras dengan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, Program MYStartup Pre-Accelerator bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekosistem *startup* di Malaysia sekali gus melahirkan lebih banyak *startup* yang inovatif dan berdaya saing.

26 *startup* yang telah disenarai pendek:

1. **Agrofly**- Menghasilkan baja bio melalui penguraian sisa serangga.
2. **AIMS**- Sistem pemasaran kecerdasan buatan.
3. **AidEye**- Rakan AI dalam mengelola perkhidmatan digital bagi tugas-harian.
4. **Beseeek**- Memperkenalkan masa hadapan pekerjaan dalam era GenAI, memaksimum produktiviti dengan mengenal pasti maklumat berharga dalam dokumen.
5. **Bettercopy**- Menggalakkan pertumbuhan pendapatan melalui AI.
6. **BOSSREC**- Sistem platform tempahan untuk rekreasi.
7. **Compere**- Platform pasaran menghubungkan pengajur acara dengan vendor.
8. **Deepsight**- Alat pembelajaran untuk membantu pengamal perubatan menganalisis ECG dengan lebih cepat.
9. **Eatsyfarm**- Menyediakan akses kepada makanan daripada ternakan sihat dan barang keperluan harian '*homemade*'.
10. **FinDoc**- Platform saringan kewangan menggunakan AI untuk membantu pengguna mencari produk dan perkhidmatan kewangan terbaik daripada pelbagai bank secara atas talian.
11. **FitDoc**- Syarikat teleperubatan pakar dalam rundingan atas talian, menangani masalah kesihatan kritis seperti obesiti, perancang keluarga, kesihatan seksual, dan pencegahan HIV.
12. **Good Stuff Alliance**- Platform digital membantu perniaga menjual produk hampir tamat tempoh dengan harga diskain kepada pengguna yang inginkan penjimatan.
13. **Komers**- Menggalakkan pembelian melalui proses pembayaran mudah dengan satu klik.
14. **Komplen**- Platform setempat membolehkan pengguna membuat aduan kepada pelbagai pihak berkuasa.
15. **Mywheels**- Platform memusatkan segala-galanya yang berkaitan dengan roda.
16. **Pajak-i**- Platform setempat atas talian untuk industri pembiayaan mikro.
17. **Pixalink**- Sistem '*cloud-based*' interaksi dan perolehan pelanggan untuk PKS menggunakan '*automation*'.
18. **Practistica**- Penyelesaian setempat kepada pasaran soalan atas talian, perisian penilaian kelas & perisian analitik pelajar.
19. **Propmoth**- Platform yang menyediakan cara terpantas untuk mencari hartanah.
20. **Pycehub**- Platform web menghubungkan pemilik & pelanggan untuk memaksimumkan pendapatan dan mengatur tempahan pelanggan.
21. **Rabt**- Membentuk semula naratif Islam melalui '*Spotify of Islam*'.
22. **Scancer AI**- Merevolusi pengesanan kanser paru-paru dengan AI, menjadikan pengesanan awal dapat diakses oleh semua.
23. **Staywokeproperty**- Penyelesaian setempat pengurusan sewaan bagi memudahkan transaksi.
24. **Volunti Connect**- Platform pengurusan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menggunakan AI untuk merevolusi program CSR dan dana.
25. **WebX**- Mencipta laman web dengan mudah dan harga berpatutan dalam 3 hari.

26. **Wellness 96 Empire**- Platfrom kesihatan digital menggunakan AI yang menawarkan khidmat jurulatih bertauliahan, pelan peribadi dan penglibatan dalam komuniti.

###

Mengenai Cradle

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) ialah sebuah agensi fokal untuk ekosistem startup Malaysia yang diperbadankandi bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2003 dengan seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Cradle menyumbangkan kadar pengkomersilan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan dengan lebih daripada 1,000 startup teknologi dibiayai. Cradle kini menawarkan dua geran baharu iaitu CIP Spark dan CIP Sprint, mensasarkan pembangunan idea dan pengkomersilan startup teknologi. Cradle juga menjadi peneraju utama bagi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, inisiatif MYStartup dan Angel Tax Incentive (ATIO). Produk yang ditawarkan oleh Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersilan, bimbingan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan pelbagai usahawan masa kini. Visi dan misi Cradle selaras dengan aspirasi MOSTI iaitu untuk menghasilkan 5,000 startup menjelang tahun 2025, 10,000 pengekod mahir dan Malaysia berada dalam 20 ekosistem startup teratas dunia menjelang 2030.

Untuk maklumat lanjut mengenai Cradle, sila layari www.cradle.com.my.

Mengenai MYStartup

MYStartup ialah inisiatif nasional yang dimulakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan diterajui oleh Cradle. Ditubuhkan pada tahun 2021, MYStartup adalah tetingkap tunggal kepada ekosistem startup Malaysia, menawarkan platform yang membina pertumbuhan yang inklusif dan mampan untuk pengasas, pelabur dan bakat teknologi. Sejajar dengan matlamat negara untuk menjadi Pusat Keusahawanan ASEAN menjelang tahun 2030, MYStartup memupuk ekosistem ini melalui program pembinaan kapasiti, termasuk hackathon, accelerator/pre-accelerator dan boot camps. MYStartup merupakan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) yang telah diberi mandat untuk memastikan bahawa inisiatif oleh MYStartup memberi manfaat kepada ekosistem startup secara keseluruhan. Usaha ini juga sejajar dengan sasaran MOSTI untuk menghasilkan 5,000 startup dan 10,000 pengekod menjelang tahun 2030.

Untuk maklumat lanjut mengenai MYStartup, sila layari www.mystartup.gov.my.

Mengenai Growth Charger

Growth Charger membangun, mendorong dan mengembangkan perniagaan di Asia Tenggara. Kami percaya kepada pendekatan praktikal dengan menyediakan sokongan operasi dan teknikal yang mendalam kepada usahawan yang berpotensi tinggi. Sehingga kini, kami telah membina lebih daripada 200 syarikat pemula di Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Growth Charger, sila layari laman web rasmi <https://www.growthcharger.com>.

Dikeluarkan oleh:

Komunikasi Strategik
Cradle Fund Sdn Bhd
Level 20, Sunway Putra Tower
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Nurshaffira Izzad - shaffira@cradle.com.my (+6019 888 1102)
Elmy Fairuz Azmi - elmy@cradle.com.my (+6012 271 3457)



26 pengasas startup yang terpilih menjalani program MYStartup Pre-Accelerator Kohort 3 hadir pada sesi orientasi bersama wakil daripada Cradle dan Growth Charger.